



NEGERI PERLIS

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERLIS GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

---

Jil. 54

21hb Julai 2011

No. 15

---

No. 75.

KANUN TANAH NEGARA

(Akta 56 tahun 1965)

(Seksyen 254)

NOTIS KEMUNGKIRAN MENGENAI SUATU GADAIAN

Kepada Ilias bin Bidin (K/P 6146736) beralamat di Batu 1, Kampung Bonor Temak, 01000 Kangar, Perlis, penggadai di bawah gadaian yang diperihalkan dalam Jadual di bawah ini bagi tanah/bahagian yang tidak dipecahkan atas tanah/pajakan/pajakan kecil yang diperihalkan sedemikian.

Bahawasanya, kamu telah melakukan suatu pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan gadaian ini dengan kamu telah meletak jawatan pada 01-02-1990 dan oleh itu kamu telah melanggar syarat-syarat pinjaman menurut Fasal 3(i) sebagaimana yang dinyatakan di dalam gadaian dan notis tuntutan peguamcara bertarikh 08-07-2005. Dan kamu dituntut untuk membayar baki hutang pinjaman secara sekaligus. Dan kamu telah gagal untuk membuat bayaran kesemua baki hutang kamu berjumlah RM62,689.28 iaitu baki hutang sehingga bulan 07/2010 berserta faedah yang terakru.

Dan bahawasanya pelanggaran itu telah berterusan selama tempoh sekurang-kurangnya satu bulan sebelum tarikh notis ini.

Saya sebagai pemegang gadaian, menurut kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 254, Kanun Tanah Negara, dengan ini menghendaki kamu supaya memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh satu bulan dari tarikh penyampaian notis ini.

Dan ambil perhatian bahawa, jika kamu gagal memulihkan pelanggaran itu dalam tempoh tersebut, saya akan memohon suatu perintah jualan.

# WARTA KERAJAAN NEGERI PERLIS

144

[21hb Julai 2011]

## JADUAL TANAH DAN KEPENTINGAN

Mukim—Beseri, Daerah Bukit Keteri, Negeri Perlis. No. P.T.—2044. Jenis dan No. Hakmilik—No. H.S.(D) 3996. Bahagian Tanah (jika ada)—Semua. No. Berdaftar Gadaian (jika ada)—No. Pers. 154 Folio 60 Jilid IR. Satu salinan hakmilik sahaja.

Bertarikh 22 Jun 2010

[AC: 277824-06; PP: 27267/1989/03(113); UG:(M) 2005/865(2)]

DATUK HAJI SHUIB BIN MD. YUSOP  
Setiausaha Bahagian  
Bahagian Pinjaman Perumahan  
Perbendaharaan Malaysia  
(Pegawai yang ditetapkan oleh  
Menteri Kewangan di bawah  
Seksyen 5(1) Minister of Finance  
(Incorporation) Ordinance 1957)

Hakcipta Pencetak (H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/ atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad** (*Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik*).



DICETAK OLEH  
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD  
CAWANGAN ALOR SETAR  
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA